

JOSE RIZAL DALAM NASIONALISMA FILIPINA

oleh

SHAFIE ABU BAKAR

Penuntut Tahun III

Universiti Kebangsaan Malaysia

Dalam memperkatakan sejarah mengenai ketokohan seseorang individu, penulis-penulis kadangkali sukar mengasingkan dirinya dari mencampurkan soal-soal emosi dengan fakta-fakta yang realiti. Contoh seumpama ini terdapat didalam penulisan sejarah mengenai Jose Rizal. Sebagai satu bangsa yang lebih awal mempelupuri perjuangan kebangsaan menentang penjajahan barat ditimur ini orang-orang Filipina adalah bergemah dengan kesedaran tersebut. Salah seorang yang dianggap wira dalam perjuangan mereka menentang Spanyol ialah Jose Rizal. Zaide umpamanya mensifatkan Rizal sebagai, "*The greatest Filipino of all times*"¹ Ia juga menyebut seorang kawan rapat Rizal Professor Blumentrit sebagai berkata, Rizal ialah, "*The greatest Malay who ever lived.*"²

Austin Coates yang mengarang riwayat Rizal meletakkannya sejajar dengan Mohandas Karam Chand Gandhi, Rabindranath Tagore dan Sun Yat Sen, lebih jauh Coates mengatakan, ". . . of the four men Rizal, though the least known, some ways the most remarkable. Of an extreme sensibility, his political ideas matured at an unusually early age."³ Suatu perkara yang tidak dapat dinafikan, bahawa kesedaran kebangsaan sesuatu bangsa tidak akan berlaku dengan hanya timbul dari kesedaran seorang individu tanpa menyerap kedalam masyarakat. Rizal tidaklah terkecuali dari sifat tersebut, ketokohnya mempunyai pertalian dengan kesedaran masyarakatnya. Ini tidaklah bererti kita menolak kebijaksanaan Rizal.

Kelahiran Rizal pada 19 Jun 1861⁴ di Calamba didalam wilayah Laguna di Filipina adalah didalam dekad di mana titik perubahan mulai berlaku di Filipina. Pemerintahan negeri Spanyol yang menjadi induk tanah

¹ Gregorio F. Zaide, *Philippine Political and Cultural History*, vol. II, Manila, 1957, 38.

² *Ibid.*

³ Austin Coates, *Rizal Philippine Nationalist and Martyr*, Hong Kong, 1968, XXVI.

⁴ *Ibid.* 5;

jajahan Spanyol pada tahun 1868 telah bertukar tangan dari pemerintahan yang bercorak konservatif kepada pemerintah secara liberal yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin yang radikal. Perubahan ini turut meresap ke-Filipina, khususnya semasa di bawah Gabenor Carlos Maria de la Torre. Dengan berjalannya *Educational Decree 1863*⁵ yang memperbaiki sistem pelajaran di Filipina dan terbukanya pelabuhan Manila sejak tahun 1830 membawa kepada terbukanya Terusan Suez pada tahun 1869, Filipina seolah-olah terdedah kepada perubahan. Apabila corak liberal ditarik balik selepas tahun 1871, timbullah rasa tidak puas hati dikalangan masyarakat Filipina yang membawa kepada pemberontakan Cavite tahun 1872⁶ yang banyak mengorbankan nyawa termasuklah 3 orang paderi bumiputera iaitu Jose Burgos, Mariano Gomez dan Jacinto Zamora.⁷ Menurut Primo L. Tongko, titik tolak kesedaran nasionalisma di Filipina adalah bermula dari tindakan *tyranny* Spanyol ini. Ia menjadi inspirasi kepada pejuang-pejuang nasionalis kemudiannya.⁸

Ditengah-tengah perubahan dan pergolakan ini Rizal menerima pendidikan formalnya mulai dari sekolah rendah di Calamba, menyambung ke sekolah perubatan di Manila kemudian meneruskannya ke Spain pada bulan Mei 1882. Sudut pendidikan Rizal adalah penting sebagai latar belakang untuk menilaikan perjuangan Rizal. Dalam hal ini, membaca riwayatnya yang ditulis orang-orang Filipina, puji-pujian terhadap Rizal begitu berlebihan hingga boleh dianggap sebagai fanatik. Bijaknya Rizal seolah-olah mempunyai makjizat; berumur tiga tahun menguasai huruf, lima tahun boleh membaca Bible, lapan tahun menang drama, 18 tahun menang pertandingan mengarang puisi di peringkat nasional. Selepas belajar di Eropah Rizal dikatakan menguasai 21 bahasa! Rizal disifatkan begitu bijaksana memiliki berbagai keistimewaan sebagai seorang doktor, ahli sains, pelukis, pengukir, penyair, novelis; ahli linguist, penyelidik, ahli filosofi bahkan sejarawan. Berhimpunnya sifat demikian pada seorang individu sukar diterima. Terjadinya demikian oleh kerana penulis ingin memaparkan sifat-sifat keistimewaan Rizal sebagai perbezaan yang tajam dibandingkan dengan individu-individu yang lain hinggakan fakta yang kecil diketengahkan dan diperbesar-

⁵ T.A. Agoncillo, *The Revolt of the Masses*, Quezon City, 1956, 13.

⁶ H.J. Abaya, *The Untold Philippine Story*, Manila, 1957, 1.

⁷ A.M. Molina, *The Philippines Through the Centuries*, Jil. I, Manila, 1961, 326.

⁸ P.L. Tongko, *The Government of the Republic of the Philippines*, Quezon City, 1965, 21.

besarkan. Trend ini kemudiannya menjadi ikutan penulis-penulis yang lain seterusnya.⁹

Rizal memangnya berkebolehan dari segi kedoktoran sebagai bidang profesionalnya, tetapi yang paling nyata ia berbakat di dalam bidang penulisan, ini dapat dibuktikan dari kemenangannya di dalam beberapa peraduan menulis. Sajaknya yang berjudul "*A la Juventud*" yang bererti "Kepada Pemuda Filipina"¹⁰ yang mendapat tempat pertama diperingkat nasional tahun 1879 itu memperlihatkan rasa kesedaran yang timbul pada diri Rizal. Bakat inilah lebih nyata apabila Rizal mempergunakannya semasa berada di Spanyol.

Pemergian Rizal ke Spanyol kerana menyambung pelajarannya dan lawatannya ke beberapa buah bandar di Eropah serta pembacaannya dari hasil-hasil karya penulis-penulis agung di sana menyedarkan Rizal betapa jauhnya kebebasan yang dimiliki orang-orang Eropah dari yang didapati oleh orang-orang Filipina. Sebenarnya, kesedaran akan kepincangan ini tidaklah timbul dari Rizal sahaja, tetapi juga dari pemuda-pemuda semasawan dengannya yang sama berpeluang menyambung pelajaran di sana. Antara mereka termasuklah Marcelo H. del Pilar, Antonio Luna, Mariano Ponce, Graciano Lopez Jaena, Jose M. Panganiban dan Eduardo do lete. Mereka adalah merupakan kumpulan intelejensia Filipina yang utama yang menyuarakan rasa ketidakpuasan hati mereka terhadap orang-orang Spanyol.

Rizal yang dianggap berbakat di dalam bidang penulisan sejak dari sekolah rendah lagi itu telah menggunakan bakat tersebut melalui novelnya yang pertama berjudul "*Noli Me Tangere*" bererti "Jangan Jamahkan Daku" (1887) yang dikeluarkannya di Spanyol sebagai manifestasi rasa ketidakpuasan hatinya terhadap pemerintahan Spanyol di Filipina. Noli dianggap sebuah sosio-historical novel, dimana didalamnya Rizal telah mengkritik para establishment dari orang-orang Spanyol lebih-lebih lagi terhadap kekuasaan gereja yang memeras rakyat.¹¹ Di dalam kata pembukaan buku tersebut berbunyi:

"I shall lift . . . a part of the veil that covers the evil, sacrificing everything to truth, even vanity itself, for as your son, I too suffer from your

⁹ Kenneth Yee, "A New Look at Jose Rizal in Filipino Nationalism," dalam *Journal of the Historical Society*, Vol. I, Singapore, 1966/67, ms. 80.

¹⁰ Coates, *Rizal*, 46.

¹¹ Agoncillo dan Alfonso, *A Short History of the Filipino People*, Manila, 1960, 169.

defect and weaknesses."¹² Dalam masyarakat Filipina yang dikongkong oleh Spanyol sedemikian rupa, kritik yang disuarakan oleh Rizal melalui buku *Nolinya* ini bolehlah dianggap sebagai suatu tindakan yang berani. Kesan dari tindakan ini, sedikit sebanyak ia telah membuka mata masyarakat Filipina menyedari kedudukan mereka. Novel Rizal ini begitu popular sekali dan begitu cepat mendapat pasaran hingga ke Filipina, walaupun dalam jumlah yang terhad. Sebagai reaksi terhadap penyuaran Rizal pihak penjajah Spanyol terutama paderi-paderi seperti Fr. Jose Rodriguez telah mengeluarkan pamflet berjudul *Caingat Cayo* menegah orang ramai membacanya dan mensifatkannya sebagai satu hasutan. Sebagai reaksi balas dalam tahun 1889 Rizal menulis menyerang balas terhadap tulisan Fr. Jose Rodriguez, yang mengakibatkan Spanyol mengharam langsung dari kemasukan bukunya.¹³ Bagi Spanyol kritik-kritik Rizal walaupun membena dianggap akan merosak kedudukan mereka sahaja. Meskipun pengharaman tersebut dikuatkuasakan, buku tersebut diseludup masuk ke Filipina.

Sebelum dari pengharaman bukunya, apabila ia pulang pada 5 Ogos 1887 bagi kali pertamanya ke Filipina ia telah dicurigai oleh pihak Spanyol.¹⁴ Segala gerak-gerinya diintip oleh pihak yang berkuasa. Untuk memelihara keselamatan dirinya Rizal telah diminta oleh keluarga dan kawan-kawannya supaya meninggalkan Filipina supaya tidak berlaku sesuatu yang tidak diingini keatas dirinya.¹⁵ Walau macam mana kebimbangan tersebut sebenarnya tidaklah begitu serius, kerana kembalinya Rizal ke Spanyol, kalau mahu dianggap untuk melepaskan diri adalah tidak logik, kerana ia adalah sebagai tindakan lari dari mulut harimau masuk ke mulut buaya sahaja. Kiranya Spanyol mahu mengambil tindakan terhadap Rizal manglah mereka berhak, tetapi Spanyol tidak berbuat demikian.

Sebaliknya, sekembalinya Rizal ke Spanyol ia lebih berani lagi mempergunakan bakatnya di dalam bidang penulisan. Di samping itu, kesedaran akan perlunya semangat berorganisasi telah tumbuh di dalam jiwa Rizal, beliau telah menceburkan dirinya di dalam pertubuhan Masonic Character yang digelar *La Solidaridad*¹⁶ yang mana Rizal sendiri pernah dilantik menjadi presidentnya. Persatuan ini dibantu sama oleh orang-orang Spanyol

¹² T.A. Agoncillo, *A Short History of the Philippines*, New York, 1969, 73.

¹³ Agoncillo dan Alfonso, *History of the Filipino People*, 147.

¹⁴ Zaide, *Philippine Political and Cultural History*, 147.

¹⁵ Raymond Nelson, *The Philippines*, London, 1968, 43.

¹⁶ Coates, *Rizal*, 162.

yang berfaham liberal. Untuk menyuarakan hasratnya persatuan ini mengeluarkan akhbar yang diberi nama sama dengan nama persatuannya iaitu *La Solidaridad*, keluaran sulungnya mulai dari bulan Februari 1889. Orang yang paling aktif menghidupkan akhbar ini ialah Del Pilar,¹⁷ dan Rizal turut sama menyumbangkan artikel-artikalnya yang bernas.¹⁸ Akhbar ini menjadi akhbar utama orang-orang Filipina yang tinggal di Spanyol.

Akan tetapi jika dikaji matlamat yang mau diutarakan oleh pemimpin-pemimpin di dalam persatuan tersebut yang antaranya termasuklah Rizal tidaklah militan sifatnya. Mereka adalah merupakan propagandist-reformist yang menuntut diadakan perubahan kearah kemajuan dan memberi keadilan di tanahair mereka sendiri. Umpamanya mereka menuntut supaya jawatan-jawatan keagamaan yang dipegang oleh Spanyol juga diberi kepada anak negeri. Mereka juga mahu supaya diadakan wakil Filipina di Cortes di Spanyol, mereka mendesak supaya anak negeri sama dapat mengambil bahagian dalam pemerintahan, kebebasan bercakap dan kebebasan persuratkhabaran hendaklah diberi dan adalah menjadi tujuan mereka pada masa itu mahu mengasimilasikan Filipina dengan Spanyol.

Dalam konteks perjuangan nasional, tuntutan-tuntutan kumpulan intelektual Filipina ini begitu sederhana, tidak timbul suara yang mahu menuntut kemerdekaan, mereka mahu perubahan tetapi kekal bersama Spanyol, namun begitu dapatlah diterima yang ianya adalah menunjukkan kesedaran kebanggaan mulai bercambah dikalangan intelek-intelek Filipina. Haruskah disedari sekiranya timbul tuntutan kemerdekaan secara mengejut pada masa itu tentulah segera ditumpas oleh pihak yang berkuasa, lebih-lebih lagi kalau disuarakan tuntutan tersebut di bumi Filipina sendiri. Bahkan aktiviti-aktiviti yang berjalan di Spanyol itu jika dijalankan di Filipina sudah tentu ianya disekat Spanyol. Perbezaan kebebasan ini dapat dilihat dari contoh semasa Rizal bergiat di Spanyol tanpa diapa-apakan, tetapi kesan dari gerakan ini berlaku penekanan ke atas keluarganya yang turut sama dicurigai pemerintah, mereka menjadi mangsa ketegangan yang berhabit dengan masalah tanah di Calamba. Mereka telah dipaksa oleh pihak gereja Dominican supaya berpindah, apabila mereka enggan, rumah mereka dibakar dan mereka dihalau dengan ugutan muncung boyonet.¹⁹ Perbuatan ini tidak lain dari rasa dendam padri-padri terhadap kritik-kritik Rizal.

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Nelson, *The Philippines*, 43.

¹⁹ Agoncillo, *History of the Philippines*, 73 74.

Masalah tanah yang dimonopoli oleh gereja dan mencengkam petani-petani menimbulkan rasa tidak puas hati dikalangan mereka. Masalah ini menjadi kritikan Rizal dalam tulisan-tulisannya. Dalam bulan Mac 1888 misalnya telah terjadi kerusuhan *Tumultuous Incident* berhubung dengan *Petition of 1888*, pihak Spanyol menganggapnya ada hubungan dengan kegiatan Rizal. Spanyol menindas mereka yang mengambil bahagian dengan kejamnya. Berita kekejaman Spanyol berhubung dengan *Petition of 1888* dan *Calamba Episode* sampai ke Eropah dan telah menimbulkan reaksi dari golongan propagandist reformist bumiputera Filipina termasuk Rizal dan Del Pilar. Mereka telah menghantar bantahan keras terhadap kekejaman Spanyol.

Inspirasi dari kekejaman Spanyol ini sejak dari pembunuhan terhadap tiga orang padri bumiputeradahulu membuat Rizal menulis novel keduanya berjudul *El Filibusterismo* (*The Subversive*) yang dikeluarkannya pada tahun 1891²⁰ sebagai mengingati peristiwa pembunuhan padri di atas. Rizal menulis antaranya:

*"The Church, by refusing to degrade you, has placed in doubt the crime that has been imputed to you; the government, by surrounding your trials with shadows, causes the belief that there was some error, committed in fatal moments, and the entire Philippines, by worshipping your memory and calling you martyrs, in no sense recognizes your capability."*²¹

Novel Fili bertendensikan politik, berlainan sekali dengan novel sulungnya yang lebih berjiwa kesusasteraan, di dalam novel tersebut Rizal menyatakan:

*"The Philippines either will remain under Spain, but with more rights and freedom, or will declare herself independent, after staining herself and the mother country with her won blood."*²² Ramalan Rizal ini telah membangkitkan marah Spanyol di Filipina. Apabila Rizal berkejar ke Filipina pada 26 Jun 1892 kerana menulung keluarganya yang menjadi mangsa berhubung dengan soal tanah dahulu ia terus diawasi oleh pihak yang berkuasa yang mana Filipina di masa itu di bawah Gabenor Eulogio Despojol.

²⁰ *Ibid.*

²¹ Agoncillo dan Alfonso, *History of the Filipino People*, 169.

²² Agoncillo, *History of the Philippines*, 75.

Sebenarnya, kepelangan Rizal selain dari untuk membela keluarganya beliau bercadang untuk berunding dengan Gabenor Despojol bagi membuka kawasan Colony di Borneo, tetapi telah ditolak oleh gabenur yang memang meragui kiranya tempat itu kelak akan dijadikan tempat gerakan subversif oleh Rizal dan pengikut-pengikutnya kelak. Keraguan gabenur terhadap gerak geri Rizal ini memang berasas, kerana di dalam masa yang pendek semasa beradadi Filipina ini Rizal telah berjaya mengatur pertemuan dengan pemuda-pemuda Filipina dan menubuhkan persatuan yang diberi nama "Liga Filipina" pada 3 Julai 1892 di Manila. Menurut Zaide perlembagaan Liga Filipina ini telah didraft oleh Rizal sejak ia berada di Hongkong lagi.²³ Perlembagaan persatuan yang diasas Rizal ini bertujuan untuk menyatukan kepulauan Filipina ke dalam satu persatuan yang kukuh untuk melindungi kepentingan bersama rakyatnya, membela mereka dari tindakan kekerasan dan ketidakadilan, membaiki keadaan pertanian dan mengadakan perubahan yang sesuai bagi rakyat Filipina di bawah Spanyol.²⁴

Meneliti dari perlembagaan ini, Rizal tidak lebih dari seorang reformist yang menghendaki pembaharuan bagi rakyat Filipina. Liga bukannya satu persatuan yang revolusioner, tetapi bertujuan menanamkan *civic* dikalangan orang-orang Filipina. Kemerdekaan tidak menjadi tujuan akhir mereka. Dalam perjuangan nasional yang bersifat reformasi ini, Rizal tidak menyetujui tindakan kekerasan. Rizal nampaknya begitu dipengaruhi jiwa kesusasteraannya, bukanlah cita-citanya mau memisahkan Filipina dari Spanyol. Namun begitu beliau yang sedang diintip itu kegiatannya ini tetap dianggap bahaya dan beliau ditangkap pada 7 Julai beberapa hari selepas ditubuhkan Liga. Menurut Zaide sebelum bertolak dari Hongkong, ia menjangka ianya akan ditangkap, beliau meninggalkan 2 pucuk surat dan meminta supaya jangan dibuka kecuali selepas ia mati.²⁵ Rizal nampaknya menyerah diri kepada takdir, pandangan ini mempengaruhi Rizal yang berjihad lembut itu semasa di dalam tahanan di Dapitan.²⁶ Penahanan Rizal menyebabkan Liga tidak dapat bergerak.

Namun begitu, diatas kekerasan Spanyol yang mau menutup suara-suara yang mulai timbul dari pejuang nasionalis reformist ini telah menimbulkan pula pejuang-pejuang yang lebih extremist. Di atas keruntuhan Liga membuat Bonifacio bertindak menubuhkan Katipunan. Ia berpendapat

²³ Zaide, *Philippine Political and Cultural History*, 148.

²⁴ *Ibid.*

²⁵ *Ibid.*, 147.

²⁶ Cesar A. Majul, *Mabini and the Philippine Revolution*, Quezon City, 1960, 110.

masa berpropaganda secara aman telah berlalu mereka perlu lebih bersifat militan.²⁷ Apabila rancangan revolusi diatur, Rizal telah dibubungi secara sulit oleh Bonifacio untuk mendapat persetujuannya. Menurut Valenzuela, sebagaimana tercatat di dalam buku harian Rizal yang tidak di cetak, rancangan ini tidak disetujui Rizal. Rizal juga dikatakan menolak apabila dikemukakan rancangan untuk menyelamatkannya dari tahanan. Beliau seolah-olah begitu lurus kononnya kerana telah berjanji dengan pihak berkuasa tidak akan melarikan diri.²⁸

Perjuangan kebangsaan Rizal nampaknya begitu ketara naiknya. Apabila api revolusi mulai menyala di Filipina pada 26 Ogos 1896 beliau begitu marah apabila diberitahu dan berkata:

*"Thunder! Where did Rizal read that for a revolution you must first have ships and arms. Where did he read that?"*²⁹ Lebih jauh dalam masa revolusi itu, Rizal telah memohon dari pemerintah Spanyol untuk pergi ke Cuba berkhidmat di dalam pasukan tentera Spanyol disana sebagai doktor belah, tetapi didalam perjalanannya ke sana beliau dipanggil balik kerana dituduh penghasut yang menyebabkan menyalanya api revolusi. Beliau telah diseret ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman bunuh dengan ditembak pada 30 Disember 1896.³⁰

Diambang kematian Rizal, ia masih menentang sikap kekerasan yang dipimpin oleh Bonifacio. Sebelum terbunuhnya ia menulis "*Manifesto Certain Filipinos*"³¹ dengan tujuan untuk menghentikan tindakan revolusi rakyat. Tetapi pembunuh Rizal lebih membakar semangat pejuang-pejuang revolusi dari apa yang mau dipadam Rizal. Perjuangan revolusi Katipunan merebak dengan cepatnya sambung bersambung dari Bonifacio ke Aguinaldo.³²

Disebalik pembunuhan Rizal menjadikan ia sebagai inspirasi perjuangan tokoh-tokoh dan rakyat Filipina kemudiannya. Ini menaikkan nama Rizal sebagai pejuang nasionalis dinegerinya, tetapi sumbangan Rizal sebenarnya lebih nyata di dalam bidang penulisan yang mana di dalamnya ia menyuara-

²⁷ H. de la Costa, *Readings in Philippine History*, Manila, 1965, 237.

²⁸ Zaide, *Philippine Political and Cultural History*, 159.

²⁹ *Ibid.*

³⁰ C.D. Corpuz, *The Philippines*, New Jersey, 1965, 62.

³¹ *Ibid.* 236.

³² Corpuz, *The Philippines*, 63.

kan ketidakpuasannya terhadap pemerintah Spanyol, jasanya yang dianggap penting terhadap perjuangan nasional begitu subjektif. Walaupun Rizal seorang penulis tetapi beliau tidak meninggalkan satu buku doktorin pun yang dapat dijadikan pegangan. Seorang pemimpin nasionalis biasanya bertindak memimpin secara praktikal, Rizal sebenarnya tidak menunjukkan dedikasi kepimpinan yang betul-betul kecuali apabila ia menubuhkan Liga Filipina yang berusia beberapa hari itu. Ia begitu pesimis. Segala se-ruannya dibuat dari jauh diluar dari negerinya. Sebaliknya apabila ia berada dinegerinya sendiri Rizal menentang perjuangan revolusi pemuda-pemuda Filipina di bawah pimpinan Bonifacio. Kalau dari awal lagi Rizal telah menjangkakan ianya akan ditangkap dan dihukum, dan sanggup pula menghadapinya, mengapakah ia takutkan revolusi hingga memohon lari ke Cuba. Sekali pandang seolah-olah bersubahat dengan Spanyol. Rizal hanya pandai mengeluarkan fikiran tetapi tidak berani bertentang dengan Spanyol secara terbuka di dalam bidang kepimpinan. Sebab itu mensifatkan Rizal "*The greatest Malay who ever lived*" dan meletakkannya di tempat yang melebihi dari pejuang-pejuang yang terseret langsung dalam perjuangan-perjuangan terbuka seperti Gandhi, Sun Yat Sen apa lagi Sukarno amatlah sukar diterima. Rizal tidak lebih dari seorang nasionalis propagandist reformist.
